

## **PROMOSI GANJARAN KECEMERLANGAN AKADEMIK**

Dikemas kini pada 21 Disember 2023

### **TEMPOH PROMOSI**

"Promosi Ganjaran Kecemerlangan Akademik" ("Promosi") Hong Leong Islamic Bank ("HLISB" atau "Bank") bermula dari 1 Januari 2024 sehingga 15 Jun 2024, kedua-dua tarikh termasuk ("Tempoh Promosi"), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT ("T&S"):**

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:

### **KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu Bank yang merupakan pemegang akaun baharu dan sedia ada ("**Pemegang Akaun**") bagi Akaun Simpanan-i, Akaun Junior-i dan Akaun Pay&Save-i (secara kolektif disebut "**Akaun Sertaa**n").
2. Untuk mengelakkan keraguan:
  - (a) "Pemegang Akaun Baharu" merujuk kepada Pemegang Akaun yang membuka Akaun Sertaa dalam Tempoh Promosi; dan.
  - (b) "Pemegang Akaun Sedia Ada" merujuk kepada Pemegang Akaun yang membuka Akaun Sertaa sebelum Tempoh Promosi.
3. Promosi ini TIDAK terbuka kepada pelanggan Akaun Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**"), pelanggan bukan individu termasuk persatuan, kelab, sekolah, organisasi tanpa untung, pemilik tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang berdaftar atau diperbadankan di Malaysia, termasuk Sendirian Berhad, syarikat tersenarai dan perbadanan multinasional.

### **GANJARAN KECEMERLANGAN AKADEMIK**

4. Ganjaran Kecemerlangan Akademik adalah sah untuk Pemegang Akaun yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2023 ("**Peperiksaan SPM**").
5. Ganjaran Kecemerlangan Akademik bernilai **Ringgit Malaysia Tujuh Ratus (RM700)** ("**Ganjaran**"). Ganjaran tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaa Pemegang Akaun berdasarkan konsep siapa cepat dia dapat, tertakluk pada had maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Empat Puluh Dua Ribu (RM42,000). Pengkreditan ganjaran adalah dalam tempoh sembilan **puluh (90) hari** selepas Tempoh Promosi.
6. Ganjaran tersebut akan diberikan kepada Pemegang Akaun yang mendapat keputusan A dalam semua mata pelajaran di dalam Peperiksaan SPM tanpa mengira bilangan mata pelajaran yang diambil sama ada di sekolah swasta atau kerajaan.
7. Ganjaran boleh ditebus dengan mengemukakan Borang Permohonan Ganjaran Kecemerlangan Akademik bersama-sama dengan salinan slip keputusan peperiksaan yang telah disahkan oleh pihak sekolah masing-masing bersama kad pengenalan Pemegang Akaun dan hendaklah dikemukakan melalui cawangan-cawangan HLISB/HLB dalam **tempoh empat belas (14) hari** dari tarikh pengumuman keputusan Peperiksaan SPM.

8. Untuk melayakkan diri bagi Ganjaran tersebut, baki purata bulanan minimum ("**MAB**") sebanyak RM3,500 mestilah dikekalkan dalam Akaun Sertaan sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** berturut-turut sebelum tarikh pengumuman keputusan Peperiksaan SPM. Pengiraan MAB akan berdasarkan baki Akaun Sertaan sepanjang bulan tersebut.
9. Hanya satu (1) Ganjaran akan diberikan kepada Pemegang Akaun tanpa mengira bilangan Akaun Sertaan yang dibuka di cawangan-cawangan HLB atau HLISB.
10. Akaun Sertaan **MESTILAH** kekal sah/aktif dan berstatus baik sehingga tarikh pengkreditan ganjaran. Pemegang Akaun hendaklah tidak melanggar mana-mana T&S Promosi ini, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma & Syarat Akaun Sertaan (secara kolektif disebut "**Terma & Syarat Berkenaan**"), jika tidak, kelayakan Pemenang akan terlucaut secara automatik.

### **AM**

11. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Akaun:
  - (a) mengesahkan telah membaca, memahami, dan bersetuju mematuhi Terma dan Syarat Berkenaan;
  - (b) bersetuju bahawa keputusan Bank atas semua perkara berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pemegang Akaun;
  - (c) bersetuju untuk melayari laman sesawang Bank di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("**Laman Sesawang HLISB**") darisemasa ke semasa untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada T&S; dan
  - (d) bersetuju bertanggungjawab dan akan menanggung secara peribadi ke atas semua cukai yang berkenaan, fi kerajaan atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
12. Bank berhak untuk:
  - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S yang terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
  - (b) membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Akaun yang:
    - (i) pada masa lalu melakukan atau ketika ini disyaki melakukan penipuan, perbuatan menyalahi undang-undang dan kesalahan berkaitan dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh Bank;
    - (ii) menghadapi prosiding kemuflihan, atau telah diisytiharkan mufliis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau
    - (iii) telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat Berkenaan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.
13. Selain T&S yang dinyatakan di dalam ini, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca bersama-sama T&S ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat percanggahan maka T&S di dalam ini hendaklah diguna pakai setakat percanggahan tersebut.

14. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&S di sini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan Promosi ini, maka T&S di dalam Laman Sesawang HLISB hendaklah diguna pakai.
15. T&S Promosi ini adalah tertakluk pada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
16. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Ahli PIDM. Product Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

**Produk Deposit-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Tawarruq.**

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)**